



جَمَاعَةُ اَلْاِخْوَانِ اَلْمُسْلِمِيْنَ كُنُوزٌ قَدْ دَارَ اَلْمَسْكَا



IKLAN JAWATAN KOSONG

Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) mempelawa calon-calon yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

1. SPESIFIKASI JAWATAN

NAMA JAWATAN	GRED	ELAUN	KADAR KENAIKAN ELAUN TAHUNAN
IMAM 2	-	RM 1000.00	-

2. DESKRIPSI TUGAS IMAM 2

- Bertanggungjawab dan tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis dan kepada Pegawai Agama Daerah serta Imam Kariah berkenaan;
- Bertanggungjawab sebagai **amil** kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman;
- Hendaklah dilantik sebagai salah seorang daripada ahli **Jawatankuasa Kariah** lantikan wakil Majlis Agama Islam Negeri Kedah;
- membantu Imam dalam hal ehwal keagamaan, kebajikan dan sosial dalam kariah masjid;
- membantu Imam mencegah dan menangani perkara-perkara khurafat dan ajaran salah serta jenayah syariah dalam kariah masjid;
- menjadi imam solat fardu dan apa-apa solat berjemaah lain di masjid terutama solat berjemaah yang dibaca secara *jahriah*;
- menyampaikan khutbah Jumaat dan lain-lain khutbah;
- menanggung tugas Imam sepanjang ketiadaannya;
- membantu Imam mengatur dan mengawasi kerja-kerja Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah yang di bawah pentadbirannya;
- bertanggungjawab mengenai pengurusan jenazah (*tajhiz mayyit*) dalam kariahnya;
- menjadi pembimbing kepada ahli kariah dalam ilmu bacaan Al Quran melalui kelas-kelas Al Quran yang disediakan oleh pihak masjid;
- menjadi saksi berkenaan nikah;
- melaporkan kepada pegawai agama di daerah berkenaan tentang mana-mana orang dalam kariahnya yang melanggar mana-mana undang-undang bertulis berkaitan Hukum Syarak yang sedang berkuat kuasa;

- (n) seberapa segera menghantar kepada Pegawai Agama Daerah berkenaan seseorang yang datang kepadanya untuk memeluk agama Islam;
- (o) sentiasa hadir melaksanakan tugas yang telah ditetapkan;
- (p) tidak boleh menanggung tugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kariah dan Penolong Pendaftar Nikah; dan
- (q) melaksanakan arahan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dari semasa ke semasa.

3. SYARAT LANTIKAN

Syarat lantikan Imam 2 adalah berpandukan kepada **Peraturan-peraturan Pegawai Masjid (Kedah Darul Aman) 2020** dan memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Merupakan warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang 21 tahun dan tidak lebih daripada 60 tahun;
- (c) keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Sijil Tahfiz Malaysia (STM) dari Darul Quran JAKIM atau setaraf dengannya;
- (d) lelaki beragama Islam berfahaman Ahlul Sunnah Wal Jama'ah dan bermazhab Syafie;
- (e) berkelakuan baik;
- (f) hendaklah sekurang-kurangnya Gred C/ lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (g) boleh membaca Al-Quran dan menulis jawi dengan baik dan keutamaan yang memahami bahasa Arab;
- (h) tidak memegang sebarang jawatan dalam mana-mana parti politik;
- (i) tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah sama ada di mahkamah sivil atau Mahkamah Syariah;
- (j) tidak disabitkan muflis yang belum dilepaskan;
- (k) lulus ujian kelayakan dan temuduga yang ditetapkan;
- (l) sihat tubuh badan, sempurna fizikal dan akal fikiran;
- (m) sempurna pendengaran dan penglihatan;
- (n) mempunyai cukup pengetahuan di dalam ilmu agama; dan
- (o) melepasi tapisan keselamatan yang ditetapkan.

4. LAIN-LAIN SYARAT KELAYAKAN

1. Mana-mana individu yang mempunyai jawatan dalam perkhidmatan awam/swasta dan berhasrat untuk memohon hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada majikan.
2. Keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Kedah dan bermastautin / menetap di Negeri Kedah.

5. TARAF JAWATAN : *Contract For Service*

6. CARA MEMOHON

1. Sila dapatkan Borang di Pejabat Agama Daerah atau dengan mengimbas QR kod di bawah :



SCAN ME

IMBAS DI SINI ATAU TAIP LINK DI BAWAH UNTUK MEMUAT TURUN BORANG

https://bit.ly/BorangPermohonan_Imam2

2. Pemohon hendaklah mengisi Borang dengan lengkap beserta dokumen-dokumen seperti berikut:
 - i) Gambar berukuran pasport.
 - ii) Salinan Kad Pengenalan.
 - iii) Salinan Sijil Tahfiz Al-Quran.
 - iv) Lain-lain sijil yang berkaitan. (jika ada)
3. Setiap salinan dokumen hendaklah diakui sah oleh Pegawai Kumpulan A / Penghulu / Ketua Kampung.
4. Borang Permohonan dan lampiran hendaklah dikepil dengan kemas.
5. Permohonan yang lengkap hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan menghantar kepada **PEJABAT AGAMA DAERAH**:

G. CATATAN AM

- a) Jawatan Imam 2 merupakan **satu** jawatan pegawai masjid yang telah dinaiktaraf iaitu dari jawatan bilal.
- b) Tidak berlaku penambahan sebarang jawatan dalam komposisi asal pegawai masjid kariah yang sedia ada.
- c) Pegawai masjid yang sedia menjawat jawatan bilal di masjid kariah layak untuk memohon bagi menaiktaraf jawatan kepada Imam 2 jika memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan perlu menjalani proses temuduga.
- d) Jabatan ini tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan kerana menghadiri temuduga.
- e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- f) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan ini ditutup dianggap tidak berjaya.

Tarikh Diiklankan : 20 Disember 2023 (Rabu)

Tarikh Tutup Iklan : 24 Januari 2024 (Rabu) Jam 12.00 Tengah hari

Tandakan (x) dalam petak berkenaan.

9. KELULUSAN

SRP	
SPM	
STPM / STAM	
DIPLOMA	
IJAZAH	
SARJANA	

PHD	
SIJIL TAHFIZ AL-QURAN	
PONDOK	
IV THANAWI	
SIJIL TAMAT PENGAJIAN	
LAIN-LAIN	

10. KEGIATAN DAN
SUMBANGAN
LUAR

1.
2.
3.
4.
5.

B PENGAKUAN PEMOHON

- i. Saya mengaku tidak pernah disabitkan dengan tuduhan jenayah, muflis dan saya mengaku tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah.
- ii. Saya mengaku tidak terlibat dengan sebarang bentuk fahaman / ajaran yang menyeleweng dan sesat yang bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- iii. Saya mengaku dan faham jabatan berhak menolak permohonan ini sekiranya terdapat maklumat yang tidak tepat.
- iv. Saya _____ No. K.P
_____ mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar.

Tandatangan pemohon

Tarikh : _____

C KEGUNAAN PEJABAT

a. Layak

☐

b. Tidak Layak

☐

Ulasan :

Tandatangan dan Cop